



UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

GARIS PANDUAN

INTERNATIONAL PARTNERSHIP RESEARCH GRANT

(Pindaan Tahun 2023)

SEKSYEN PENGURUSAN PERMOHONAN GERAN PENYELIDIKAN
PEJABAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN
ARAS 1, KOMPLEKS PENGURUSAN AKADEMIK DAN PENYELIDIKAN
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

SENARAI KANDUNGAN

BAHAGIAN 1

Pendahuluan	3
Falsafah	3
Objektif	3

BAHAGIAN 2

Kriteria dan Syarat Permohonan	4
Bidang Penyelidikan	5
Bidang Keutamaan Penyelidikan	5
Tempoh Penyelidikan	7
Siling Peruntukan	7
Hasil Penyelidikan	7

BAHAGIAN 3

Peraturan Kewangan dan Skop Perbelanjaan	10
--	----

BAHAGIAN 4

Peraturan dan Tatacara Permohonan	13
-----------------------------------	----

BAHAGIAN 5

Penilaian Permohonan	14
----------------------	----

BAHAGIAN 6

Pemberitahuan Keputusan dan Pengagihan Keputusan	15
--	----

BAHAGIAN 7

Tanggungjawab Ketua Projek	16
----------------------------	----

BAHAGIAN 8

Pemantauan Projek Penyelidikan	17
Proses dan Urusan Pembelian/Tuntutan/Pembayaran Berkaitan Projek Penyelidikan	18
Hal-hal Lain	18

BAHAGIAN 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Dokumen Garis Panduan *International Partnership Research Grant* (IPRG) disediakan sebagai rujukan dan panduan bagi permohonan geran penyelidikan di bawah pengurusan Pejabat Pengurusan Penyelidikan (PPP), Universiti Malaysia Terengganu. Garis Panduan ini perlulah dirujuk bersekali dengan Dokumen Tadbir Urus Pemantauan Dana Penyelidikan UMT (DP-UMT).

1.2 FALSAFAH

International Partnership Research Grant (IPRG) merupakan satu inisiatif dana penyelidikan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) berkonsepkan geran padanan bagi meningkatkan perolehan geran penyelidikan antarabangsa dan kerjasama penyelidikan dengan institusi antarabangsa oleh penyelidik UMT untuk menjalankan penyelidikan dan inovasi bagi menghasilkan penemuan ilmu baharu yang berimpak tinggi atau menyelesaikan permasalahan global dengan menggunakan penyelesaian lokal (*local solutions for global problems*). Secara langsung, ia akan menyumbang ke arah keterlihatan global (*global prominence*) bagi UMT.

1.3 OBJEKTIF

Objektif penawaran IPRG ialah:

- 1.3.1 IPRG diperkenalkan untuk meningkatkan perolehan geran penyelidikan antarabangsa oleh penyelidik UMT.
- 1.3.2 Menggalakkan kolaborasi penyelidikan di antara penyelidik UMT bersama dengan penyelidik institusi antarabangsa.
- 1.3.3 Meningkatkan keyakinan dan keterlihatan kepakaran penyelidik Universiti Malaysia Terengganu (UMT) di peringkat antarabangsa (*global prominence*).
- 1.3.4 Meningkatkan prestasi dalam penyelidikan di UMT dalam penarafan sistem ‘ranking’ seperti *Malaysia Research Assessment* (MyRA) dan *ranking QS* (*QS World Ranking/QS Asian University Ranking*).
- 1.3.5 Menyumbang kepada peningkatan markah MyRA dari segi penerbitan, bilangan Penyelidik Utama (Principle Investigator) aktif, penghasilan pelajar pasca siswazah dan jaringan kerjasama penyelidikan UMT bersama pihak antarabangsa.

BAHAGIAN 2

PERMOHONAN

2.1 KRITERIA DAN SYARAT PERMOHONAN

- 2.1.1 Ketua Projek adalah ahli akademik di UMT.
- 2.1.2 Ahli akademik berstatus kontrak (warganegara dan bukan warganegara), dimestikan mempunyai ahli akademik berstatus tetap dalam bidang kepakaran yang sama sebagai penyelidik bersama.
- 2.1.3 Ahli akademik yang bercuti belajar/bercuti sabatikal/sedang melanjutkan pengajian pasca kedoktoran/terlibat dalam program sangkutan industri dan seumpamanya (dalam dan luar negara melebihi tempoh enam (6) bulan dari tarikh tutup permohonan) tidak dibenarkan untuk mengemukakan permohonan geran penyelidikan. Walau bagaimanapun, penyelidik masih boleh menjadi ahli (Penyelidik Bersama) dalam kumpulan penyelidikan.
- 2.1.4 Maksimum **4 penyelidik bersama** dibenarkan.
- 2.1.5 Ketua Penyelidik perlu menyatakan maklumat peratus (%) penglibatan selaku Ketua Penyelidik sebagaimana berikut:
 - (a) Minimum peratus penglibatan Ketua Projek adalah 70% bagi Projek Penyelidikan yang melibatkan 1-2 penyelidik bersama.
 - (b) Minimum peratus penglibatan Ketua Projek adalah 50% bagi Projek Penyelidikan yang mempunyai lebih daripada 3 penyelidik bersama.
- 2.1.6 Permohonan geran ini mesti melibatkan peruntukan yang disalurkan oleh pihak institusi antarabangsa ke UMT.
- 2.1.7 Geran penyelidikan yang disumbangkan oleh pihak institusi antarabangsa mestilah bernilai sekurang-**kurangnya RM10,000 bagi bidang Sains Sosial** dan **RM20,000 bagi bidang Sains & Teknologi**.
- 2.1.8 Penerimaan peruntukan dari pihak institusi antarabangsa bagi Perkara 2.1.6, mestilah disalurkan ke Bendahari UMT dalam bentuk **tunai** sahaja.
- 2.1.9 Bagi ketua projek yang baru hendak memohon geran penyelidikan IPRG bersama dengan pihak institusi antarabangsa, Ketua Projek dikehendaki

untuk mengemukakan bukti sekurang-kurangnya surat niat (Letter of Intent) daripada pihak tersebut semasa mengemukakan permohonan geran penyelidikan ini. Walau bagaimanapun, Memorandum of Agreement (MoA) perlu ditandatangani sebelum penyelidikan dapat dijalankan.

- 2.1.10 Ahli akademik tetap atau kontrak dibenarkan menjadi penyelidik bersama.
- 2.1.11 Penyelidik bersama juga dibenarkan dilantik dari kalangan ahli akademik dan penyelidik dari luar UMT termasuk dari pihak antarabangsa.

2.2 BIDANG PENYELIDIKAN

Projek penyelidikan yang dimohon dengan IPRG dimestikan mempunyai kaitan secara langsung dengan projek penyelidikan yang dibiayai oleh geran penyelidikan antarabangsa.

2.3 BIDANG KEUTAMAAN PENYELIDIKAN

2.3.1 Domain Penyelidikan (Research Domain)

Setiap permohonan hendaklah memenuhi salah **satu (1)** daripada tujuh (7) Domain Penyelidikan seperti berikut:-

- (a) Sains Tulen dan Gunaan (*Pure and Applied Sciences*);
- (b) Teknologi dan Kejuruteraan (*Technology and Engineering*);
- (c) Sains Kesihatan dan Klinikal (*Clinical and Health Sciences*);
- (d) Sains Sosial (*Social Sciences*);
- (e) Sastera dan Sastera Ikhtisas (*Arts and Applied Arts*);
- (f) Warisan Alam dan Budaya (*Natural and Cultural Heritage*); atau
- (g) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information and Communication Technology*).

2.3.2 Kluster Penyelidikan UMT (UMT's Research Cluster)

- (a) Sains Kelautan Dan Persekitaran Lestari (*Ocean Science and Sustainable Environment*);

- (b) Jaminan Makanan (*Food Security*);
- (c) Data dan Sains Digital (*Data and Digital Sciences Food Security*);
- (d) Sains, Kejuruteraan dan Teknologi (*Science, Engineering and Technology*);
- (e) Maritim dan Sains Komuniti (*Maritime and Community Sciences*).

2.3.3 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs – Sustainable Development Goals)

Setiap permohonan hendaklah memenuhi salah satu (1) daripada 18 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs) seperti berikut:-

- (a) SDG 1 - Tiada Kemiskinan (*No Poverty*);
- (b) SDG 2 - Kelaparan Sifar (*Zero Hunger*);
- (c) SDG 3 - Kesihatan Baik dan Kesejahteraan (*Good Health and Well-being*);
- (d) SDG 4 - Pendidikan Berkualiti (*Quality Education*);
- (e) SDG 5 - Kesaksamaan Gender (*Gender Equality*);
- (f) SDG 6 - Air Bersih dan Sanitasi (*Clean Water and Sanitation*);
- (g) SDG 7 - Tenaga Berpatutan dan Bersih (*Affordable and Clean Energy*);
- (h) SDG 8 - Pekerjaan Yang Sesuai dan Pembangunan Ekonomi (*Decent Work and Economic Growth*);
- (i) SDG 9 - Industri, Inovasi dan Infrastruktur (*Industry, Innovation and Infrastructure*);
- (j) SDG 10 - Mengurangkan Ketidaksamaan (*Reduced Inequalities*);
- (k) SDG 11 - Bandar dan Masyarakat Mampan (*Sustainable Cities and Communities*);

- (l) SDG 12 - Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab (*Responsible Consumption and Production*);
- (m) SDG 13 - Tindakan Terhadap Iklim (*Climate Action*);
- (n) SDG 14 - Kehidupan dalam Air (*Life below Water*);
- (o) SDG 15 - Kehidupan di Darat (*Life on Land*);
- (p) SDG 16 - Keamanan, Keadilan dan Pertubuhan Kukuh (*Peace, Justice and Strong Institutions*);
- (q) SDG 17 - Kerjasama demi Matlamat (*Partnerships for the Goals*); atau
- (r) Others - Kebahagian dan Keharmonian Masyarakat (*Societal Harmony and Happiness*).

2.4 TEMPOH PENYELIDIKAN

Tempoh penyelidikan **maksimum** yang dibenarkan adalah **3 tahun (36 bulan)**. Pelanjutan tempoh projek adalah dibenarkan bergantung kepada keperluan projek tersebut.

2.5 SILING PERUNTUKAN

Jumlah peruntukan maksimum dari UMT adalah **RM50,000** bagi setiap permohonan dan diperakurkan oleh panel penilai seterusnya diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

Jumlah yang akan disalurkan daripada UMT adalah mengikut nisbah 1:1.

2.6 HASIL PENYELIDIKAN

Jangkaan hasil penyelidikan (expected research outputs) untuk projek penyelidik yang dibiayai di bawah IPRG boleh dikategorikan kepada dua (2) iaitu serahan hasil penyelidikan (*research deliverables*), dan hasil kesarjanaan penyelidikan (*scholarly research outputs*).

Penentuan KPI untuk hasil penyelidikan adalah bergantung kepada perakuan panel

penilai dan kelulusan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi). Contoh indikator untuk kedua-dua jenis hasil penyelidikan adalah seperti berikut;

- 2.6.1 Projek Penyelidikan yang dimohon mestilah mencapai serahan hasil penyelidikan (research deliverables) yang akan ditentukan oleh panel penilai seperti;
 - 2.6.1.1 Contoh serahan hasil penyelidikan adalah seperti produk yang perlu dihasilkan atau dikomersilkan, data, instrumen, perisian atau kaedah untuk menyelesaikan masalah.
 - 2.6.1.2 Serahan hasil penyelidikan adalah bergantung kepada perjanjian kerjasama di antara ketua projek dan pihak institusi antarabangsa, atau/dan proposal penyelidikan yang diluluskan oleh pihak institusi antarabangsa.
 - 2.6.1.3 Serahan hasil penyelidikan (tambahan daripada Perkara 2.6.1.2) juga tertakluk kepada proposal penyelidikan IPRG yang diperakukan oleh panel penilai dan diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).
- 2.6.2 Jangkaan hasil penyelidikan mestilah dapat diterjemahkan kepada hasil kesarjanaan penyelidikan (scholarly research output).
 - 2.6.2.1 Hasil kesarjanaan penyelidikan dibahagikan kepada tiga indikator iaitu penerbitan, bakat (GRA/RA) dan harta intelek.
 - 2.6.2.2 Untuk projek penyelidikan di bawah pembiayaan IPRG, ketua projek perlu menerbitkan sekurang-kurangnya **tiga (3)** artikel jurnal yang diterbitkan di dalam jurnal yang disenaraikan di dalam SCOPUS atau WoS. Bagi artikel yang tersenarai dalam WoS mestilah sama ada dalam *Science Citation Index Expanded (SCIE)*, *Social Sciences Citation Index (SSCI)* atau *Arts and Humanities Citation Index (AHCI)*.
 - 2.6.2.3 Walau bagaimanapun, bilangan artikel ini adalah tertakluk kepada keputusan panel penilai.
 - 2.6.2.4 Setiap artikel yang diterbitkan mesti memasukkan afiliasi pihak antarabangsa yang bekerjasama di dalam penyelidikan yang diluluskan.

- 2.6.2.5 Sekurang-kurangnya **satu (1)** daripada tiga artikel yang tersenarai dalam Scopus/WoS mestalah diterbitkan di dalam jurnal yang disenaraikan penerbitan di dalam pangkalan data MyCite.
 - 2.6.2.6 Lain-lain hasil kesarjanaan penyelidikan seperti bakat dan harta intelek bergantung kepada perjanjian kerjasama dan juga keputusan panel penilai.
- 2.6.3 Penghargaan kepada geran IPRG, UMT mestalah dinyatakan dengan jelas dalam setiap penerbitan. Contohnya:- UMT/PPRG-2023/nombor vot penyelidikan.

BAHAGIAN 3

PERATURAN KEWANGAN DAN SKOP PERBELANJAAN

SKOP PERBELANJAAN

Semua penggunaan kewangan adalah tertakluk kepada pekeliling/garis panduan semasa yang berkuatkuasa di UMT. Pembiayaan bagi penggunaan peruntukan tersebut adalah tertakluk kepada;

- (a) Perjanjian yang telah dipersetujui dan ditandatangani oleh Ketua kedua-dua institusi; atau/dan
- (b) Geran Penyelidikan yang telah diluluskan oleh pemberi dana; atau/dan
- (c) Proposal penyelidikan IPRG yang diperakurkan oleh Panel Penilai dan diluluskan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Penggunaan peruntukan dari geran penyelidikan IPRG ini hanya boleh digunakan bagi tujuan pembayaran kos-kos berikut sahaja:

3.1 *Vot 11000 - Elaun untuk Pembantu Penyelidik Siswazah (GRA) dan Pembantu Penyelidik (RA)*

Elaun untuk membiayai Pembantu Penyelidik Siswazah (Graduate Research Assistant - GRA) dan Pembantu Penyelidik (Research Assistant - RA) sahaja dibenarkan.

3.2 *Vot 21000 - Perjalanan, Pengangkutan dan Sara Hidup*

3.2.1 Perjalanan dan pengangkutan berkaitan kerja-kerja kajian/kerja lapangan sahaja yang dibenarkan;

3.2.2 Kos perjalanan bagi tujuan menghadiri konferensi/persidangan untuk membentangkan hasil penyelidikan sama ada dalam atau luar negara adalah dibenarkan.

3.3 *Vot 24000 - Sewaan*

3.3.1 Sewaan hanya dibenarkan untuk peralatan, pengangkutan dan barang lain yang terlibat secara langsung dengan penyelidikan.

3.3.2 Sewaan komputer hanya dibenarkan bagi projek yang berkaitan sahaja (Cth: Bidang ICT) dengan memberi justifikasi dan sebut harga berkaitan. Penggunaan alatan tersebut hanya dibenarkan dalam tempoh projek penyelidikan itu sahaja.

3.4 Vot 27000 – Bekalan dan Bahan Penyelidikan

- 3.4.1 Hanya perbelanjaan yang berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan;
- 3.4.2 Pembelian bahan pakai habis/bahan penyelidikan sahaja yang dibenarkan;
- 3.4.3 Pembelian peralatan pejabat (seperti alat tulis, kertas, mesin pencetak dan dakwat pencetak/katrij), peralatan storan (seperti external hardisk, pendrive dan CD) adalah tidak dibenarkan;
- 3.4.4 Pembelian software adalah tidak dibenarkan kecuali ia diperlukan bagi tujuan penyempurnaan projek penyelidikan dengan memberi justifikasi dan sebut harga berkaitan.

3.5 Vot 28000 - Baik Pulih Kecil dan Ubahsuai

- 3.5.1 Perbelanjaan untuk baik pulih, pengubahsuaian kecil terhadap bangunan, makmal, lain-lain peralatan adalah tidak dibenarkan.
- 3.5.2 Kos penyelenggaraan peralatan sedia ada adalah tidak dibenarkan.

3.6 Vot 29000 – Perkhidmatan Ikhtisas

- 3.6.1 Bayaran perkhidmatan dibenarkan termasuk percetakan, honorarium, hospitaliti, yuran persidangan/konferensi, pemprosesan data dan lain-lain perkhidmatan yang berkaitan dengan projek penyelidikan.
- 3.6.2 Pembayaran bagi pemprosesan data, upahan pengumpulan data, upahan pembanci (enumerator)/ upahan perkhidmatan berkaitan dengan penyelidikan sahaja dibenarkan.
- 3.6.3 Pembayaran jemputan pakar, konsultansi dan yuran ahli jurnal/

persatuan tidak dibenarkan.

3.6.4 Perkhidmatan khas merangkumi kos menghadiri kursus, program sangkutan jangka pendek (dalam negeri sekali sahaja) untuk mempelajari teknik-teknik khusus yang berkaitan projek penyelidikan di antara tempoh 3 minggu dan ke atas adalah tidak dibenarkan.

3.6.5 Bayaran yuran penerbitan adalah dibenarkan.

3.7

Vot 35000 – Aksesori dan Peralatan

3.7.1 Pembelian aksesori dan peralatan/aset tetap/harta modal adalah tidak dibenarkan; dan

3.7.2 Pembelian buku/bahan rujukan tidak dibenarkan.

BAHAGIAN 4

PERATURAN DAN TATACARA PERMOHONAN

- 4.1 Setiap pemohon/Ketua Penyelidik dibenarkan untuk mengemukakan hanya satu (1) permohonan projek sahaja. Permohonan IPRG perlu dikemukakan melalui borang permohonan yang disediakan secara manual.
- 4.2 Penyelidik Borang Permohonan IPRG boleh didapati menerusi sistem Mynemo UMT (Mynemo > sokongan > e-borang > PPP > Seksyen Pengurusan Permohonan Geran Penyelidikan) atau emel hebahan makluman pembukaan geran penyelidikan.
- 4.3 Permohonan untuk IPRG dibuka kepada Ketua Penyelidik yang memenuhi syarat dan kriteria permohonan yang telah ditetapkan di bahagian 2.
- 4.4 Ketua Penyelidik mestilah mematuhi tarikh penyerahan permohonan yang telah ditetapkan. Kegagalan Ketua Penyelidik mengemukakan permohonan sebelum tarikh tutup akan menyebabkan permohonan tidak akan diproses untuk tindakan selanjutnya.
- 4.5 Permohonan akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang akan dilaksanakan mengikut keperluan semasa.
- 4.6 Carta alir permohonan, penyaringan, penilaian dan kelulusan permohonan seperti di **Rajah 1.**

BAHAGIAN 5

PENILAIAN

PENILAIAN PERMOHONAN

- 5.1 Setiap permohonan yang dikemukakan akan dinilai melalui proses pembentangan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal yang dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UMT.
- 5.2 Sokongan penilaian dari Jawatankuasa Penilaian Teknikal akan diserahkan kepada Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) untuk kelulusan.
- 5.3 Panel Penilai yang dilantik perlu meneliti kertas cadangan penyelidikan (proposal) yang dikemukakan mengikut kriteria penilaian yang telah ditetapkan seperti berikut;
 - (a) Panel penilai yang dilantik mestilah pakar dalam bidang serta berpangkat Profesor Madya atau Profesor;
 - (b) Setiap kertas cadangan penyelidikan (proposal) perlu dinilai oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang panel penilai;
 - (c) Penilaian perlu berpandukan syarat permohonan dan peraturan kewangan yang ditetapkan dalam Garis Panduan serta Dokumen Tadbir Urus yang berkuatkuasa;
 - (d) Ulasan dan komen penilaian akan diisi oleh Panel Penilai melalui borang penilaian geran penyelidikan yang disediakan.
- 5.4 Pejabat Pengurusan Penyelidikan (PPP) tidak dibenarkan untuk mengubah cadangan perakuan Panel Penilai.
- 5.5 Keputusan penilaian adalah muktamad.

BAHAGIAN 6

KEPUTUSAN

PEMBERITAHUAN KEPUTUSAN DAN PENGAGIHAN PERUNTUKAN

- 6.1 Pemakluman keputusan akan dimaklumkan kepada Ketua Penyelidik beserta Surat Kelulusan Geran Penyelidikan selepas mendapat sokongan daripada Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan diperakukan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UMT dalam Jawatankuasa Domain Penyelidikan UMT.
- 6.2 Ketua Projek dibenarkan untuk memulakan projek lebih awal sebelum kelulusan IPRG diberikan dengan syarat dana yang diberikan oleh pihak institusi antarabangsa telah diterima oleh UMT. Ketua Projek juga dikehendaki untuk mengemukakan surat pengesahan daripada pihak institusi antarabangsa tersebut untuk melaksanakan projek lebih awal.
- 6.3 Pembayaran peruntukan akan disalurkan ke vot penyelidikan selepas surat keputusan kelulusan dikeluarkan berdasarkan jumlah peruntukan yang telah diluluskan dan diperakukan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UMT.

BAHAGIAN 7

TANGGUNGJAWAB KETUA PROJEK

- 7.1 Ketua projek hendaklah menunjukkan kualiti penyelidikan yang dijalankan berdasarkan kepada asas berikut:
- 7.1.1 Projek penyelidikan berjalan mengikut jadual dan aktiviti yang diluluskan.
 - 7.1.2 Peruntukan yang dibelanjakan mestilah mengikut tatacara garis panduan yang telah disediakan.
 - 7.1.3 Mengemukakan laporan kemajuan projek **6 bulan** sekali kepada PPP.
 - 7.1.4 Mengemukakan laporan akhir dalam tempoh yang telah ditetapkan (3 bulan selepas tamat tempoh projek penyelidikan).
 - 7.1.5 Had maksimum tempoh projek ialah 3 tahun (36 bulan) dan pelanjutan tempoh projek adalah dibenarkan bergantung kepada keperluan projek tersebut.
 - 7.1.6 Ketua Penyelidik mestilah memastikan jangkaan hasil penyelidikan yang dipersetujui dicapai dengan jayanya.
 - 7.1.7 Memastikan semua ahli projek penyelidikan melaksanakan tanggungjawab masing-masing dalam mencapai objektif projek yang diluluskan.
 - 7.1.8 Tindakan surcaj akan dikenakan kepada ketua projek sekiranya membuat perbelanjaan melebihi peruntukan yang dibenarkan, tidak mengikuti peruntukan dalam vot yang telah ditetapkan atau mengemukakan bukti yang tidak sah.

BAHAGIAN 8

PEMANTAUAN PROJEK PENYELIDIKAN

Projek penyelidikan yang telah diluluskan akan dipantau oleh pihak PPP berdasarkan kepada Garis Panduan dan Tadbir Urus Pemantauan Geran Penyelidikan.

Setiap projek penyelidikan yang diluluskan tertakluk kepada pemantauan berjadual sepanjang tempoh projek aktif seperti berikut:

8.1 Laporan Kemajuan

8.1.1 Ketua Projek diwajibkan menghantar laporan kemajuan ke PPP **dua (2) kali** setahun.

8.1.2 Borang adalah mengikut format yang disediakan oleh pihak PPP dan boleh diperolehi melalui sistem MyNemo.

8.1.3 Penilaian laporan kemajuan berkenaan terdiri dari **2 komponen** utama iaitu:

8.1.3.1 Prestasi projek

Tahap pencapaian carta perbatuan.

8.1.3.2 Prestasi kewangan

Status belanja dan baki terkini peruntukan.

8.1.4 Tahap pencapaian hasil penyelidikan perlu juga disertakan di dalam laporan.

8.2 Laporan Akhir Projek & Sesi Pembentangan Akhir Hasil Kajian

8.2.1 Ketua Projek diwajibkan menghantar laporan akhir projek bersama dengan salinan artikel penerbitan ke PPP dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh tamat projek.

8.2.2 Borang adalah mengikut format yang disediakan oleh pihak PPP.

8.2.3 Penilaian laporan akhir projek adalah berdasarkan kepada 2 komponen merujuk kepada Hasil Penyelidikan.

- 8.2.4** PPP akan mengadakan sesi pembentangan hasil akhir kajian dan Ketua Projek dijemput untuk membentangkan projek masing-masing di hadapan Jawatankuasa Penilaian Teknikal (panel penilai mengikut bidang kajian) yang dilantik oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi).

PROSES PEMFAILAN/ DOKUMENTASI DAN URUSAN PEMBELIAN/ TUNTUTAN/PEMBAYARAN BERKAITAN PROJEK PENYELIDIKAN

- 8.3** Semua urusan pemfailan/dokumentasi projek adalah menjadi tanggungjawab ketua penyelidik di PTj masing-masing.
- 8.4** Semua urusan dan dokumen pembelian atau tuntutan berkaitan geran penyelidikan ini akan diuruskan oleh Ketua Projek itu sendiri dan perlu mendapat kelulusan Ketua PTj masing-masing.
- 8.5** Semua proses kewangan berkaitan projek penyelidikan ini akan diuruskan dan diselaraskan oleh PTj masing-masing.
- 8.6** Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Garis Panduan dan Tadbir Urus Pemantauan Geran Penyelidikan UMT, Tadbir Urus Pengurusan Geran Penyelidikan UMT dan peraturan kewangan UMT yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

HAL-HAL LAIN

- 8.7** Sekiranya berlaku sebarang keadaan di mana ketua projek berhenti bertugas di UMT, berpindah ke institusi lain, atau mana-mana keadaan yang menyebabkan ketua projek tidak dapat memberi tumpuan dalam menyiapkan projek tersebut, maka ketua projek perlu menghantar surat bertulis ke PPP melalui ketua PTj bagi tujuan pelantikan ketua projek yang baru.
- 8.8** Ketua PTj bertanggungjawab dalam mencalonkan penyelidik yang bersesuaian sekiranya ketua projek berkaitan berhenti perkhidmatan di UMT atau berpindah ke institusi lain atau meninggal dunia.
- 8.9** Sekiranya ketua projek berhenti separuh jalan atau menolak ketika kelulusan telah diberi, maka ketua projek perlu menyatakan justifikasi bertulis ke PPP.

LAMPIRAN 1

CARTA ALIR PROSES KERJA PERMOHONAN, PENILAIAN DAN KELULUSAN GERAN PENYELIDIKAN IPRG

Keterangan/Tanggungjawab	Carta alir	Rujukan
<p>1. Makluman pembukaan geran penyelidikan daripada pengurusan UMT.</p> <p>2. PPP membuat hebahan menerusi emel (warga UMT) beserta jadual permohonan, sesi penilaian permohonan dan penyerahan permohonan.</p> <p>3. Penyediaan permohonan (kertas cadangan/proposal geran penyelidikan) oleh ahli akademik UMT melalui borang permohonan yang diperolehi melalui sistem MyNemo</p> <p>4. PPP terima borang permohonan lengkap secara manual (<i>hardcopy</i>).</p> <p>5. PPP membuat semakan sama ada Borang Permohonan Lengkap atau tidak serta mematuhi syarat dan kriteria yang terdapat dalam Garis Panduan.</p> <p>6. PPP membuat lantikan panel penilai.</p> <p>7. Panel Penilai membuat penilaian (proses penilaian) proposal secara individu/ berpusat (pembentangan).</p>	<pre> graph TD M((MULA)) --> 1[1] 1 --> 2[2] 2 --> 3[3] 3 --> 4[4] 4 --> 5{5. Lengkap?} Ya --> 6[6] 6 --> 7[7] 7 --> S((S)) TidakLengkap --> 3 </pre>	Garis Panduan (GP) Dana Penyelidikan UMT (DP-UMT) <i>- International Partnership Research Grant (IPRG)</i>

Keterangan/Tanggungjawab	Carta alir	Rujukan
<p>8. PPP menerima komen dan ulasan daripada panel penilai.</p> <p>9. PPP mengemukakan permohonan yang telah dinilai oleh Jawatankuasa Teknikal untuk diperakuan oleh Jawatankuasa Domain Penyelidikan UMT.</p> <p>10. PPP terima keputusan permohonan yang diperakuan oleh Jawatankuasa Domain Penyelidikan UMT.</p> <p>11. Makluman keputusan kepada penyelidik. (PPP keluarkan surat kelulusan Geran Penyelidikan dan makluman no.vot Geran Penyelidikan).</p> <p>12. Pemohon yang berjaya membuat penambahbaikan proposal berdasarkan komen dan cadangan oleh panel penilai.</p> <p>13. PPP mengemukakan surat permohonan pembukaan vot geran penyelidikan baharu dengan pihak Bendahari (Zon Kewangan Penyelidikan) untuk dimasukkan ke dalam sistem Century Bendahari.</p> <p>14. PPP menyediakan Dokumen Perjanjian yang akan ditandatangani oleh wakil Universiti (NC/TNCPI/Pengarah PPP) bagi pihak penyelidik dan Surat Akuan Setuju Terima Menjalankan Penyelidikan oleh penyelidik UMT.</p> <p>15. Buka fail projek yang telah diluluskan (Pemfailan).</p>	<pre> graph TD S((S)) --> D{8} D -- Tidak Disokong --> 9[9] D -- Disokong & Disokong dengan pindaan --> 10[10] 9 --> 10 10 --> 11[11] 11 --> 12[12] 12 --> 13[13] 13 --> 14[14] 14 --> 15[15] 15 --> Selesai((Selesai)) </pre>	